

03/11/2000

Tindakan senator AS dianggap campur tangan

uriyanti Wan Ahmad; Mohd Zin Ali

KUANTAN, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan tindakan sekumpulan ahli Kongres Amerika Syarikat mendesak semua tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim digugurkan atau diadakan perbicaraan baru sebagai campur tangan dalam pentadbiran negara ini.

Sambil membidas perbuatan ahli kongres itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka kelihatan lebih tahu daripada kerajaan Malaysia mengenai apa yang berlaku.

"Apa kena mengena mereka dengan sistem perundangan kita," katanya selepas menghadiri perjumpaan dengan pemimpin pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kompleks Belia Indera Mahkota di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan ahli kongres berkenaan memfailkan satu resolusi di Dewan Perwakilan Amerika baru-baru ini bagi mendesak Kerajaan Malaysia menggugurkan semua tuduhan terhadap Anwar atau mengadakan perbicaraan baru.

Resolusi itu difailkan oleh ahli Dewan Perwakilan Amerika, Chris Smith dari New Jersey, Ileana Ros-Lehtinen dan Robert Wexler (Florida), Tom Lantos, Dana Rohrabacher dan Ed Royce (California) dan Niel Abercombie (Hawaii) kepada Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa Dewan Perwakilan Amerika.

Ia mendesak Kerajaan Malaysia memberikan Anwar satu perbicaraan baru di bawah prosedur yang adil dan telus atau menggugurkan pertuduhan dikenakan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, tujuh ahli kongres berkenaan membuat desakan itu atas inisiatif sendiri dan tidak mencerminkan pendirian Kerajaan Amerika.

Mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar golongan yang cuba merosakkan Malaysia dengan bantuan asing, meninggalkan negara ini, Abdullah berkata, kerajaan tidak bercadang melucutkan kerakyatan mereka.

"Jika tidak suka menetap di negara ini, mereka boleh pergi ke negara lain yang dirasakan boleh bahagia," katanya.

Beliau yang melakukan lawatan sehari ke sini, berkata kenyataan Perdana Menteri itu bukan saja ditujukan kepada Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohamad Noor, malah orang lain.

Menjawab soalan berkaitan Ezam ketika berdialog dengan wakil pertubuhan belia pada majlis itu, Abdullah berkata, kerajaan berhak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melanggar undang-undang.

Katanya, polis sedang menjalankan siasatan berkaitan pengakuan Ezam bahawa dia ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk mendapatkan bantuan supaya tekanan ekonomi dikenakan terhadap Malaysia.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, katanya, beliau sentiasa mengutamakan kedaulatan negara dan kerana itu undang-undang mesti dihormati.

Di KUALA LUMPUR, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata kongres Amerika tidak berhak memaksa Malaysia mengubah keputusan atau menggugurkan semua tuduhan terhadap Anwar.

"Resolusi itu adalah berdasarkan sentimen politik dan bukannya pengiktirafan sebenar terhadap kedaulatan sesebuah negara, seperti Malaysia," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Pengerusi Biro Antarabangsa Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, pula memberi amaran kepada kumpulan penggubal Amerika untuk tidak mencampuri urusan undang-undang dan kehakiman Malaysia.

"Pemuda Umno menganggap tindakan itu sebagai satu perbuatan bodoh dan kurang ajar dengan tidak mengambil kira bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokrasi dan berdaulat," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yakin tindakan itu tidak akan membawa kepada sebarang sekatan dagangan terhadap Malaysia.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, turut mengutuk sekeras-kerasnya tindakan itu dan menolak dakwaan bahawa perbicaraan kes Anwar dijalankan secara tidak adil.

Sehubungan itu, MBM menghantar memorandum membantah tindakan tujuh ahli kongres itu kepada Setiausaha Pertama Kedutaan Amerika Syarikat di sini, Daniel Kiang, petang ini.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, sependapat bahawa usaha ahli kongres itu sebagai campur tangan pihak luar dalam urusan dalaman Malaysia.

"Mereka seharusnya melihat sendiri kes dalaman di Amerika Syarikat yang masih belum dapat diselesaikan, seperti isu perkauman," katanya.

Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, ketika ditemui di Lobi Parlimen bagaimanapun meminta pemberita mendapatkan ulasan Free Anwar Campaign (FAC) berhubung perkara itu.

"Tanya FAC, saya ingat itu berkaitan Free Anwar, ia dalam rangka Free Anwar," katanya ketika ditanya apakah tindakan ahli Kongres terbabit mempunyai kaitan dengan lobi Ezam di Amerika Syarikat, baru-baru ini. Sekretariat FAC diterajui Ketua Koordinator Keadilan, Raja Petra Kamarudin.

(END)